

21 Julai, 1981

# Pengaruh Siddiq di Bahagian P. Buntar perlu disiasat

IPOH, Isnin — Pengaruh Siddiq Ghouse yang diberkas kerana menjadi agen KGB Russia; minggu lalu mungkin juga menjalar ke Bahagian UMNO Parit Buntar yang masih digantung.

Ini berikutan dengan banyak-perjumpaan yang beliau hadiri sewaktu menjadi Setiausaha Politik kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Ketua UMNO Bahagian tersebut, Encik Ismail Abdul Rauf yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Simpang Lima berkata hari ini Siddiq yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri juga turut terlibat dengan kekacauan yang mencetuskan krisis dalam bahagian itu.

Oleh itu, tambahnya, tidak semestinya Bahagian Sungai Petani di mana Siddiq menjadi Timbalan Ketua sahaja perlu disiasat, tetapi juga Bahagian Parit Buntar agar petualang-petualang yang boleh merosakkan nama UMNO dapat dihapuskan.

"Kita tidak mahu Siddiq meninggalkan kuman hasil perhubungannya dengan bahagian ini yang boleh menjejaskan nama baik bahagian ini sendirinya," tambah Encik Ismail.

Beliau menggesa UMNO mengambil tindakan untuk membersihkan bahagian-bahagian yang mungkin cuba dipengarahui oleh bekas Setiausaha Politik itu.

"Hanya cara ini dapatlah kita menjamin kegiatan Siddiq tidak menjejaskan nama baik Datuk Seri Dr. Mahathir dan juga seluruh ahli UMNO," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia